



Tan Sri Mohd Zuki Ali - foto BERNAMA

Masyarakat majmuk hidup aman di bawah kepimpinan Rasulullah

KUALA LUMPUR: Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali hari ini mengucapkan selamat menyambut Maulidur Rasul kepada muslimin dan muslimat terutamanya kepada penjawat awam.

Menerusi hantaran di Instagram, Mohd Zuki berkata, tema sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini iaitu 'Ummah Rabbani Negara Harmoni' amat bertepatan dengan realiti kehidupan rakyat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, bangsa dan agama.

"Semasa zaman Nabi Muhammad SAW lagi, masyarakat majmuk yang bersatu atas kepelbagaian telah wujud dan hidup aman sejahtera di bawah kepimpinan Baginda.

"Oleh itu, marilah kita bersama-sama menghidupkan sunnah Baginda, perbanyakkan selawat dan berusaha untuk mengikuti akhlak mulia Baginda kerana sesungguhnya Rasulullah adalah contoh teladan yang terbaik," katanya. – BERNAMA

WORD *Harmoni*

Unlock your blog's true revenue potential

Streamline Monetization, Site Speed and More

GET STARTED

Disyorkan

Semua anggota Kabinet UMNO kekal dalam kerajaan PN



Semua anggota Kabinet UMNO kekal dalam kerajaan PN



Melia serah tugas



Bantuan 'one-off' untuk penggiat sektor pelancongan, kesenian di Sabah



Sohaimi dilantik pemangku Presiden DPIA



Prayut setuju pinda perlembagaan, akhiri kuasa Senat memilih PM

Mi 10T Pro | 5G

8+256GB RM1999

AVAILABLE NOW